

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
26 NOVEMBER 2021**

PERKARA : 4(A)5

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS
YB. LEE CHUN KIT**

5. Projek Gurney Wharf adalah amat penting untuk KADUN Pulau Tikus.
- (a) Apakah status terkini projek Gurney Wharf?
 - (b) Apakah reka bentuk dan komponen-komponen terkini dalam projek Gurney Wharf?
 - (c) Apakah anggaran jangka masa yang ditetapkan bagi menyiapkan projek Gurney Wharf?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

5. (a) Kerajaan Negeri telah memutuskan supaya perolehan projek ini dilaksanakan secara tender terbuka untuk memberi peluang kepada lebih ramai pihak kontraktor berkelayakan untuk terlibat dan dapat memberikan tawaran harga yang lebih kompetitif kepada Kerajaan Negeri.

Pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) selaku Pegawai Penguasa (*Superintendent Officer*) telah memutuskan untuk lima (5) tender dibuka di mana satu (1) tender adalah untuk pelantikan Kontraktor Utama bagi pelaksanaan *Main Building Works* dan empat (4) Sub Kontraktor Dinamakan (*Nominated Sub Contractor*) seperti berikut:

- i. Kerja-kerja Penyediaan Landskap Taman (*Soft Landscape*);
- ii. Kerja-kerja Penyediaan Kawasan Permainan (*Skate Park & Playground*);
- iii. Kerja-kerja Kejuruteraan Pantai (*Marine Engineering*);
dan
- iv. *Steel Roof Works*.

Tender untuk pelantikan Kontraktor Utama telah dibuka pada 15 Oktober 2021 dan akan ditutup pada 22 November 2021. Pelantikan akan dibuat pada hujung tahun 2021 membolehkan kontraktor memulakan kerja di tapak selepas Surat Setuju Terima dikeluarkan.

Tender bagi Kerja-kerja Penyediaan Landskap Taman sedang diteliti bersama pihak konsultan dan dijangka akan dibuka pada hujung bulan November 2021, yang akan disusuli dengan Tender Kerja-kerja Penyediaan Kawasan Permainan dijangka akan dibuka pada hujung bulan Disember 2021 Tender bagi Kerja-kerja Kejuruteraan Pantai dan Tender *Steel Roof Works* pula akan dibuka pada suku pertama tahun 2022.

(b) Pelaksanaan keseluruhan projek dibahagikan kepada *Priority 1* dan *Priority 2*. *Priority 1* adalah terdiri daripada komponen-komponen seperti berikut:

- Kawasan landskap dan taman rekreasi (termasuk landskap kawasan *Expressway Reserve*);
- Kawasan Permainan Kanak-Kanak;
- Kawasan Permainan *Skate Park*;
- Anjung Tinjau (*Viewing Deck*)- South Vantage Point;
- Tandas Awam;
- *Promenade* Pejalan Kaki;
- Kios Penjaja;
- Tempat Letak Kereta Terbuka; dan

- Penambahan *Water Body (South)*.

Manakala *Priority 2* adalah terdiri daripada komponen-komponen seperti berikut:

- Penyediaan sebahagian lagi Kawasan Landskap dan Taman Rekreasi;
- *Hawker Centre*;
- *Retail Area*;
- Kedai serbaneka;
- Anjung Tinjau (*Viewing Deck*) - North Vantage Point;
- Tandas Awam;
- Kios Penjaja Tambahan;
- Tempat Letak Kenderaan Bertingkat;
- Tempat Letak Kenderaan Terbuka;
- Penyediaan Kawasan Pantai dan *Broadwalk*;
- *Water Garden*;
- Sistem Perparitan;
- *Storm Water Channel*;
- Pembinaan Jeti *Water Taxi*;
- Surau;
- *Refuse Center*, dan

- Penambakan *Water Body (North)*.

Di peringkat ini juga terdapat cadangan tambahan untuk penyediaan komponen lain yang masih dalam peringkat pertimbangan Kerajaan Negeri.

- (c) Anggaran jangka masa yang diperlukan bagi menyiapkan projek Gurney Wharf adalah selama 2 tahun setengah (30 bulan). Pelaksanaan projek dibahagikan kepada dua bahagian iaitu *Priority 1* dan *Priority 2*. *Priority 1* akan dimulakan pada bulan Januari 2022 untuk tempoh 12 bulan dan dijangka siap pada suku keempat tahun 2022 serta akan dibuka kepada orang awam.

Manakala *Priority 2* juga akan dimulakan serentak iaitu pada bulan Januari 2022 untuk tempoh 30 bulan dan akan disiapkan secara berperingkat pada tahun 2023 hingga suku kedua tahun 2024 memandangkan ia melibatkan pembinaan struktur bangunan dan kerja-kerja yang melibatkan pesisir pantai yang perlu dilaksanakan secara terperinci.

Kerajaan Negeri juga telah mensyaratkan dua (2) tahun tambahan untuk tempoh *Defect Liability Period* (DLP) iaitu sehingga suku kedua tahun 2026.